

# Turun bendera cemar usaha Kerajaan — Datuk Ajib

JOHOR BAHRU, SABTU.

— Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad, mensifatkan tindakan setengah golongan yang mengarah bendera Persekutuan dan gambar-gambar pemimpin diturunkan sebagai mencemarkan usaha kerajaan mempertahankan perpaduan rakyat.

Menurutnya, tindakan itu bercanggah dengan garis panduan yang menetapkan supaya bendera Johor dan Persekutuan dikibarkan.

"Arahan untuk mengibarkan bendera negeri dan Persekutuan patut dipatuhi sesuai dengan semangat perpaduan negara kita," ujarinya kepada para pemberita sebaik saja selesai mesyuarat dengan perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Johor pagi ini.

Datuk Ajib yang juga Timbalan Pengerusi Umno Johor berkata Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa arahan untuk menurunkan bendera Persekutuan tidak dikeluarkan lagi.

## Melawat

Bendera Malaysia tidak dikibarkan di daerah Muar, Segamat dan Kluang sempena lawatan Sultan Johor ke situ baru-baru ini. Gambar Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam, difahamkan diperintah jangan digantung ketika baginda melawat Segamat dulu.

Isu yang menarik perhatian ramai ini berlaku sewaktu Datuk Ajib se-



■ Datuk Ajib Ahmad

dang bercuti di luar negeri. Beliau pulang ke tanahair semalam.

Menurutnya, Pergerakan Pemuda Umno kesal dengan apa yang berlaku kerana bendera Malaysia adalah simbol perpaduan rakyat.

Datuk Ajib juga memberi jaminan bahawa gambar-gambar pemimpin akan digantung di bangunan-bangunan kerajaan sesuai dengan amalan yang dilakukan sebelum ini.

"Saya akan pastikan bahawa arahan melalui surat-surat pekelling tidak bercanggah dengan garis panduan yang telah ditetapkan," tegasnya.

Beliau selanjutnya memberitahu arahan akan diberikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan di samping itu menjelaskan kepada ahli-ahli Exco Negeri bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Tambahnya, Pergerakan Pemuda Umno Johor berpuas hati dengan jaminan yang diberikan.

"Apa yang telah berlaku kita jadikan sempadan dan diharap tidak berulang lagi demi perpaduan rakyat. Saya harap perkara ini tidak dibangkitkan lagi," ujarinya.